

NASIHAT KEPADA WAKIL2 RAKYAT

'Tunaikan kewajipan lebih baik utk rakyat'

TIMBALAN Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed berkata, kejayaan yang dicapai oleh DAP dalam pilihanraya umum kali ini adalah hasil dari kerjasama antara parti itu dengan PAS.

Katanya, kerjasama itu berjaya memecahkan undi Melayu hingga memberi kemenangan yang begitu rupa kepada DAP.

Sebaliknya kata beliau Parti PAS telah menepa kejatuhannya sendiri hasil dari kerjasama itu.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, kerjasama itu jelas jika dikaji akan kekalahan calon Barisan Nasional kawasan Parlimen Damansara Encik S. Subramaniam.

ALOR SETAR, (Kedah) Ahad

Bellau berkata demikian ketika berucap kepada lebih 2,000 orang pekerja dan penyokong Barisan Nasional yang menyambut ketibaan beliau dan isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah dari Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Ke-pala Batas dekat sini petang ini.

Diusung

Sebelum itu Dato Seri Dr. Mahathir yang tiba dengan sebuah kapal terbang khas disambut dengan pekikan Allahu Akbar tujuh kali oleh orang ramai.

Bellau, Menteri Besar Dato Seri Syed Ahmad Shahabuddin, dan Pengarah Pilihanraya Barisan Nasional Kedah Dato Syed Nahar Sha-

buddin telah dilarak dengan tiga buah usungan melalui orang ramai yang memekik sambil melambai-lambai tangan.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, dengan kerjasama itu, PAS yang dahulunya mempunyai 14 kerusi Parlimen hanya mendapat lima kerusi sahaja, sebaliknya DAP yang mempunyai sembilan kerusi bertambah menjadi 15 kerusi.

Bellau berkata: "Hari ini pemimpin-pemimpin seperti itu, telah disingkirkan oleh rakyat sendiri melalui proses pilihanraya."

Menurutnya lagi Barisan Nasional tidak menyangka akan mendapat kejayaan yang lebih baik

dari apa yang didapati pada tahun 1974 kerana semenangan tanpa bertanding mungkin tidak terdapat lagi pada kali ini.

Katanya, tetapi dengan kejayaan yang telah didapati jelas menunjukkan rakyat tetap menyokong dasar Barisan Nasional yang terbukti membawa kejayaan dan faedah kepada mereka.

Bellau kemudian mengingatkan wakil-wakil rakyat yang menang malam tadi supaya masing-masing menjawab masing-masing untuk membawa kemajuan yang lebih baik kepada rakyat yang mereka wakili.

"Tidak ada tempat dalam Barisan Nasional untuk orang-orang yang tidak memegang amanah dan tidak bertanggungjawab," beliau memberi amaran.

Ubah kehidupan

Menegenal kejayaan-nya memenangi semula kerusi Parlimen Kubang Pasu beliau berkata rakyat kawasan tersebut hendaklah bersiap sedia menerima pembangunan yang boleh mengubah kehidupan mereka.

Turut berada di lapangan terbang ialah Setiausaha Agung UMNO Malaysia Datuk Senu Abdul Rahman yang memenangi semula kerusi Parlimennya kawasan Kuala Kedah.

Malam ini Dato Seri Dr. Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah akan diraikan dalam satu majlis makan malam di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim Jenlang, 12 batu dari sini.

No. Set: 1378

No. Per: 1049/80

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



■SENYUM gembira Dato Seri Dr. Mahathir sendiri dan isterinya, Datin Seri Siti Hasmah serta tepukan orang-orang di belakang sudah tentu menunjukkan Timbalan Perdana Menteri mencapai kemenangan di kawasan pilihanraya Parlimennya.
Gambar ini diambil di Sri Taman.

■KEFANA terialu leleh setelah berkamper dua minggu. Timbalan Perdana Menteri terpaksa tidur sebentar walaupun di atas kerusi di Sri Taman semasa menunggu keputusan keputusan pilihanraya umum pagi semalam.

Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berada di Sri Taman semalaman setelah membuang undinya di Titi Gajah di Alor Setar pagi kelmarin bersama isterinya.

Timbalan Perdana Menteri telah memenangi kerusi Parlimen kawasan Kubang Pasu, menewaskan calon PAS, Halim Arshat dengan majoriti lebih 8,000 bila keputusannya diumumkan kira-kira subuh pagi semalam.

